

27 FEB 2004

Pandang-Pilihan raya

BN MAMPU HADAPI PENGARUH KUAT PAS DI PENDANG

Fokus Berita Oleh Mohd Nazri Hassan

ALOR SETAR, 27 Feb (Bernama) -- Kawasan Parlimen Pendang yang dimenangi BN dalam pilihan raya kecil 2002 dengan majoriti 283 undi, bakal menjadi medan pertarungan sengit antara BN dengan PAS pada pilihan raya umum nanti.

PAS sudah pasti mengerahkan sepenuh tenaganya untuk merampas kembali kerusi itu yang pernah disandang bekas presidennya Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

Tanda-tanda pertarungan sengit sudah kelihatan daripada kibaran banyak bendera PAS yang mewarnai sepanjang jalan raya di seluruh kawasan itu.

Kerusi parlimen itu merupakan satu daripada lapan kawasan yang dimenangi PAS di negeri Kedah pada pilihan raya 1999. Fadzil memenangnya dengan majoriti 2,939 apabila beliau memperolehi 22,413 undi manakala calon BN, Datuk Othman Abdul mendapat 19,474 undi.

Dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam kawasan Pendang semasa pilihan raya itu masing-masing dimenangi oleh BN di Sungai Tiang, dan PAS di Bukit Raya.

Berikutan kematian Fadzil, BN menawan kembali kerusi itu pada pilihan raya kecil Pendang pada 2002 apabila Othman memperolehi 22,825 undi menewaskan muka baru dari PAS, Dr Mohamad Hayati Othman yang mendapat 22,542 undi.

Pandang, yang kini mempunyai 57,167 pemilih, memang merupakan kubu kuat PAS sejak dahulu terutama kawasan DUN Bukit Raya, kini dikenali sebagai DUN Tokai, yang tidak pernah dimenangi BN.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menyifatkan Pendang sebagai kawasan "susah dimenangi" kerana pengaruh Fadzil di situ.

Dr Mahathir sendiri pernah tewas kepada PAS dalam pilihan raya umum 1969 di kawasan itu yang dahulu dikenali sebagai Parlimen Kota Setar Selatan.

"Saya pernah kalah di kawasan ini. Ini kawasan hitam...orang Kedah

panggil hitam legam," katanya semasa diminta mengulas kemenangan BN pada pilihan raya kecil Pendang.

Bagaimanapun pengaruh PAS bukanlah mustahil ditandingi BN di Pendang atau di mana-mana sahaja. Rekod menunjukkan Fadzil sendiri pernah tumpas di tangan Othman pada pilihan raya umum 1990 dengan majoriti 3,205 undi.

Othman memperolehi 20,554 manakala Fadzil mendapat 17,349 undi.

Pada pilihan raya 1995, sekali lagi Othman berjaya mengekalkan kerusi itu dengan majoriti 1,961 undi dengan mengalahkan calon PAS, Mohamad Taulan Rasul. Othman mendapat 20,336 manakala lawannya mendapat 18,375 undi.

Bagaimanapun, bekas ketua Dewan Pemuda PAS Pusat Mahfuz Omar berkata BN tidak boleh berbangga dengan kemenangan tipisnya pada pilihan raya kecil Pendang kerana ketika itu BN dibantu oleh peningkatan peratus keluar mengundi sekitar 10 peratus berbanding pilihan raya umum 1999.

"Othman tidak harus berasa selesa. Sekiranya pengundi bukan Melayu tidak turun mengundi atau peratusan turun mengundi kembali ke paras 70 hingga 76 peratus bukannya 86 peratus, keputusan tidak akan memihak kepada BN " kata beliau yang juga anggota Parlimen Pokok Sena.

Menurutnya, jika dianalisis keputusan pilihan raya kecil itu, mengikut setiap peti undi, didapati semua peti undi Melayu terutama saluran pengundi muda memberikan sokongan kepada PAS.

Umno pula bernasib baik mendapat sokongan besar di peti-peti undi Cina dan Siam yang berjumlah sekitar 5,000 pengundi, katanya.

"Ini menunjukkan bahawa pengundi Melayu Islam yang mengundi PAS pada pilihan raya lepas tidak tergodanya dengan pujukan dan propaganda BN," tegas Mahfuz.

Walaupun Dewan Rakyat belum dibubarkan, PAS mendahului BN daripada segi mengibarkan bendera. Tinjauan Bernama di kawasan DUN Tokai mendapati beratus-ratus bendera PAS sudah dikibarkan setiap 100 dan 200 meter di sepanjang jalan.

Bendera BN ataupun Umno belum banyak kelihatan tetapi seorang penyokong Umno, Razak Khamis berkata: " Banyaknya bendera atau poster pembangkang di

sesuatu tempat bukan satu kepastian bahawa mereka akan menang dan kami pernah buktikan dalam pilihan raya yang lepas-lepas."

Rata-rata penyokong Umno melahirkan keyakinan bahawa kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Pendang menunjukkan sokongan pemilih Melayu kepada Umno telah pulih sepenuhnya walaupun tidak seperti pada 1995.

Othman pula berkata kekalahan beliau pada pilihan raya umum 1999 adalah akibat beberapa isu besar ketika itu terutama berkaitan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan kerajaan.

Menurutnya, kira-kira 1,000 anggota Umno di Pendang bertindak tidak keluar mengundi pada masa itu.

"Saya tewas kepada Fadzil atas isu itu, tetapi kini tiada isu besar yang boleh digunakan pembangkang dan atas faktor itulah kita yakin BN akan meraih kemenangan di Pendang dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata tanpa mengira sesiapa yang dipilih sebagai calon BN, jentera pilihan raya BN Pendang bersiap sedia menghadapi PAS pada bila-bila masa sahaja bagi mencapai kemenangan mutlak bukan sahaja di Pendang tetapi juga di kerusi DUN Sungai Tiang dan Tokai.

-- BERNAMA

MNH ZS RON BK